



Raja Kita

PAMERAN RAJA KITA
SEMPENA PERTABALAN

SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
KE-X

DI DEWAN TENGAH MUZIUM NEGARA
22 SEPTEMBER - 21 OKTOBER 1994
9:00 PAGI - 6:00 PETANG

RAJA KITA EXHIBITION
IN CONJUNCTION WITH THE INSTALLATION OF
HIS MAJESTY THE
10TH KING

AT THE NATIONAL MUSEUM
SEPTEMBER 22ND - OCTOBER 21ST 1994
9:00 AM - 6:00 PM



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
TUANKU JA'AFAR AL HAJ IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN**



**SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU NAJIHAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN**

**KATA-KATA
ALUAN
Y.B. MENTERI
KEBUDAYAAN,
KESENIAN DAN
PELANCONGAN
MALAYSIA**

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti atas daya usaha yang telah diambil bagi menjayakan pameran Raja Kita ini sempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke 10 dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 22 September 1994.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan negara ini perlu mempunyai seorang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dari kalangan Raja yang berkerajaan di Negeri-Negeri Melayu untuk menaiki takhta dan menjalankan tugas-tugas baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Proses perlantikan dan pertabalan ini telah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya sejak negara ini mencapai kemerdekaan melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Peristiwa

bersejarah yang dirakamkan sekali dalam lima tahun ini jelas membuktikan bahawa sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan konsep raja berperlembagaan yang diamalkan di negara ini dapat bergerak seiring dengan harmoni serta dapat mengekalkan institusi istana sebagai lambang kedaulatan negara dan perpaduan rakyat

Sungguhpun perkembangan yang berlaku sekarang sedang mengarah negara ini menuju ke era zaman moden yang serba maju dan berteknologi tinggi namun keharmonian kebudayaan Melayu tradisional akan terus dipertahankan sebagai identiti negara dan bangsa. Hakikat ini terpancer dengan jelas dalam hal adat istiadat istana raja-raja Melayu khususnya ketika diadakan upacara istiadat pertabalan.


Saya percaya pameran Raja Kita ini dapat memperlihatkan kegemilangan tradisi raja-raja Melayu serta menjelaskan kedudukan institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan negara.

Sekian, wassalam.

"Menjunjung Kasih"



DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertabalan Raja Kita



Syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana kita bertuah dapat mengelolakan Pameran "Raja Kita" bersempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-X pada tahun ini. Saya merasa bangga kerana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut memainkan peranan bagi menjayakan peristiwa penting dan bersejarah Pertabalan di-Raja yang penuh dengan adat istiadat kebesaran Raja-Raja Melayu. Pameran "Raja Kita" yang diadakan di Muzium Negara ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada rakyat serta para pelawat mengenai keistimewaan dan kepentingan institusi Raja berpelembagaan dalam sistem pemerintahan negara kita di samping memperkenalkan dengan lebih dekat lagi keperibadian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**KATA-KATA ALUAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN,
KESENIAN DAN
PELANCONGAN**

Dengan tamatnya pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-IX maka selesailah pusingan pertama giliran perantikan Raja-Raja Melayu menaiki takhta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan demikian pertabalan Seri Paduka Baginda Tuanku Ja'afar sebagai Yang di-Pertuan Agong ke X adalah istimewa kerana Baginda memulakan giliran pusingan kedua dan akan bersemayam selama lima tahun.

Saya berharap agar persembahan istimewa Pameran "Raja Kita" ini dapat membantu mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman rakyat terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mempererat lagi hubungan kasih rakyat terhadap Baginda. Semoga sistem pemerintahan Raja berpelembagaan di negara kita akan berterusan demi kesejahteraan, kemakmuran dan perpaduan rakyat serta martabat negara Malaysia.

Akhir sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran dan setiap perseorangan yang menjayakan pameran ini. Semoga usaha-usaha dan sumbangan yang dihulurkan mendapat keredaan Ilahi jua.

Saya yang menurut perintah,



DATO' KHALID BIN HAJI ISMAIL

Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Persembahan
dan Pameran Raja Kita

**KATA-KATA
ALUAN
KETUA
PENGARAH
JABATAN
MUZIUM DAN
ANTIKUITI**

Saya sungguh merasa bertuah kerana sejak tahun 1980 Muzium Negara telah diberikan kepercayaan sepenuhnya untuk menjayakan satu pameran khas bertajuk Raja Kita sempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kesepuluh.

Pertabalan Seri Paduka Baginda Tuanku Ja'afar dan Seri Paduka Baginda Tuanku Najihah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke 10 dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong merupakan detik bersejarah yang paling istimewa di negara ini kerana baginda mengulangi sejarah pertabalan ayahanda baginda Tuanku Abdul Rahman, sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama.

Berdasarkan kepentingan institusi Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan negara dan peranan Jabatan Muzium dan Antikuiti sebagai penyimpan khazanah warisan negara, maka pameran pada kali ini cuba dipersembahkan dengan cara yang paling istimewa.

Pameran ini mengandungi aspek-aspek penting yang terdapat dalam institusi Yang di-Pertuan Agong, proses perlantikan dan pertabalan, alat-alat kebesaran dan yang istimewa ialah biografi dan personaliti Seri Paduka Baginda Tuanku Ja'afar dan Seri Paduka Baginda Tuanku Najihah.

Adalah diharapkan mesej-mesej yang terkandung dalam ini dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada para pelawat betapa sistem pemerintahan beraja yang masih kukuh dipertahankan di negara ini merupakan salah satu faktor penting terhadap kemantapan, keharmonian dan perpaduan rakyat dan meletakkan negara ini sebagai negara yang aman, makmur dan dihormati dunia. Di samping itu adalah diharapkan melalui pameran ini rakyat akan dapat mengenali dengan lebih dekat lagi latarbelakang sejarah dan peribadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang baru menaiki takhta ini.

Akhir sekali saya mengucapkan sentinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pameran, Kerabat Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan, Syarikat Sari Ayu Consult dan agensi-agensi terlibat dan orang perseorangan bagi menjayakan pameran ini.

Sekian. Wassalam

Menjunjung Kasih



HAJI MOHAMED ZULKIFLI BIN HAJI ABDUL AZIZ

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Merangkap,

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pameran Raja Kita



PENGENALAN

Pameran Raja Kita ini memperlihatkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dikasihi dan dihormati oleh rakyat.

Pameran Raja Kita adalah untuk memperingati pertabalan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke sepuluh; ayahanda baginda Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang pertama selepas kemerdekaan dari pemerintahan British pada 31 Ogos 1957.

Sistem Raja Berperlembagaan telah diperkenalkan di negara ini untuk membolehkan perkongsian tanggungjawab yang saksama di antara Raja-Raja Melayu Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia secara giliran untuk selama lima tahun. Perlembagaan Persekutuan menggariskan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen. Pameran ini menerangkan hubungan di antara sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya berjalan mengikut peraturan demokrasi dan dilakukan oleh kesemua sembilan Raja-Raja Melayu di Persidangan Raja-Raja. Pemilihan diraja ini dijalankan secara undi sulit dan sesuatu yang unik di Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong dilihat sebagai lambang pemerintahan demokrasi seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Raja yang pengasih, baginda juga merupakan lambang perpaduan negara dan kesetiaan rakyat.

Pameran ini tidak mungkin lengkap tanpa rakaman ringkas sejarah riwayat hidup Baginda dan Permaisurinya. Riwayat hidup Baginda sangat menarik. Baginda pernah menjadi seorang diplomat, olahragawan, dan yang lebih penting lagi sebagai Raja yang peka kepada kebajikan rakyat dan kemakmuran negeri.

INTRODUCTION

The exhibition, "Raja Kita", demonstrates that the Supreme Monarch of Malaysia is well loved and respected by the people.

Raja Kita is an exhibition to commemorate the installation of His Royal Highness The Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman as Malaysia's tenth Yang di-Pertuan Agong. His Majesty begins another cycle of the historic Constitutional Monarchy; his father Almarhum Tuanku Abdul Rahman became the first to be installed The Yang di-Pertuan Agong when the Federation of Malaya gained her Independence from the British on August 31, 1957.

The system of Constitutional Monarchy was introduced in the country to provide the nine hereditary rulers from Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor and Perak with equitable responsibility for each to serve as the Supreme Monarch of the country for a term of five years. The Federal Constitution outlines the functions of the Yang di-Pertuan Agong and Parliament. This exhibition explains the relationship between the system of Constitutional Monarchy and Parliamentary Democracy.

The election of the Yang di-Pertuan Agong and his Deputy is done democratically by the nine hereditary rulers at the Conference of Rulers. The royal election is done by secret ballots and it is unique only in Malaysia.

The Agong is a symbol of unity and loyalty. His Majesty is seen as a caring and loving monarch who represents democratic rule as enshrined in the Federal Constitution. The ceremonial functions of the Royal office reflects the country's rich cultural heritage which is the pride of the nation.

The exhibition will not be complete without a brief history of His Majesty's life and that of his Consort. It is a colourful life story of His Majesty as a diplomat, a sportsman, and most important of all as a Ruler who is concerned with the welfare of his subjects and the prosperity of his kingdom.

SEJARAH RINGKAS KESULTANAN MELAYU (1400 - 1900)

Sebelum kewujudan kerajaan Melayu Melaka, terdapat sebuah kerajaan Melayu yang terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu Kedah. Pada satu ketika dahulu Kedah merupakan sebuah kerajaan yang terkenal dan menjadi pusat perdagangan yang penting. Sukar untuk dipastikan sejak bilakah kerajaan Kedah diwujudkan dan bilakah agama Islam diterima sebagai agama resmi. Menurut Hikayat Merong Mahawangsa (yang lebih berunsur legenda) keturunan raja-raja Kedah yang masih berkerajaan hingga sekarang dikatakan berasal dari keturunan yang sama dari zaman Merong Mahawangsa.

Melaka telah menjadi pusat dunia Melayu pada kira-kira 1400 Masehi. Kerajaan ini telah diasaskan oleh Parameswara (gelaran kebesaran) yang telah meninggalkan Temasik (nama asal Singapura) selepas diburu tentera Siam. Kerajaan Melaka menjadi terkenal semasa pemerintahannya dan telah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan China.

Sungguhpun terdapat berbagai cerita dan legenda berkaitan dengan Melaka yang telah menjadi sebuah kesultanan menjelang tahun 1424, tidak dapat dinafikan bahawa kedaulatan raja-raja Melayu di zaman ini boleh dikesan kembali dan keturunan raja-raja Melaka yang dikatakan dari keturunan Seri Teri Buana Bukit Si Guntang Mahameru di Palembang. Seri Teri Buana pula dikatakan berketurunan dari Raja Iskandar Dzulkarnain yang pada satu ketika dulu pernah menakluki sebahagian dari benua India.

Melaka pernah menjadi perlabuhan yang masyhur dan sebagai pusat perniagaan rempah yang utama di Asia Tenggara. Kedudukan Melaka begitu strategik dan terkenal di kalangan pedagang-pedagang Timur dan Barat. Kekuasaan kesultanan Melaka

meliputi kesemua negeri di Semenanjung, Sumatra, Singapura dan gugusan pulau yang terletak ke selatannya, Brunei serta berbagai jajahan di Kepulauan Melayu.


Kesultanan Melaka mempunyai sistem politik dan pentadbiran yang kemas dan berwibawa. Ini jelas dilihat dari beberapa sumber sejarah, terutamanya Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Raja Melaka, Undang-undang Laut Melaka dan Undang-undang Sultan Mahmud Shah.

Terdapat beberapa orang pembesar negeri yang dilantik semasa zaman kecemerlangan Kesultanan Melaka. Di antaranya ialah Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Laksamana dan Shahbandar, yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Kerajaan-kerajaan Melayu lain pada amnya juga menggunakan struktur pemerintahan yang sama. Jelasnya, Kesultanan Melaka boleh dianggap sebagai pengasas budaya politik Melayu yang mempunyai segala kebesaran adat istiadat istana, bahasa raja, penganugerahan darjah-darjah kebesaran serta peraturan yang menentukan hubungan di antara raja dan rakyat.

Portugis yang menakluki Melaka pada 1511, memaksa keluarga diraja mencari perlindungan di beberapa jajahannya. Rajanya, Sultan Mahmud, akhirnya telah mangkat di Kampar, Sumatera pada 1528. Pada tahun yang sama seorang dari puteranya telah menjadi Sultan Perak, mengambil gelaran Sultan Muzaffar Shah. Pada kira-kira tahun 1530, seorang lagi putera baginda menetap di Johor dan memakai gelaran Sultan, Alauddin. Baginda inilah yang dilihat sebagai mewarisi takhta Sultan Mahmud.

Nasib pasang surut kesultanan Johor berakhir pada 1699 dengan hapusnya keturunan mereka apabila Sultan Mahmud yang dipercayai tidak mempunyai waris di bunuh oleh seorang dari pembesarnya, Megat Seri Rama.

Takhtanya telah diambilalih oleh Bendahara, yang memakai gelaran Sultan Abdul Jalil. Tidak lama kemudian dia telah dicabar oleh Raja Kechil Siak, yang mengaku dirinya putera kepada Sultan Mahmud, yang mendakwa dilahirkan selepas kemangkatan baginda.



ILUSTRASI MEMETERAI PERJANJIAN PANGKOR PADA TAHUN 1874.

ILLUSTRATION OF THE SIGNING OF THE PANGKOR TREATY IN 1874.

A BRIEF HISTORY OF THE MALAY SULTANATE (1400 - 1900)

Before the establishment of the Malacca Kingdom there was already an ancient kingdom in the northern part of the Malay Peninsula called Quedah (Kedah) which was an important trading centre. It is not clear when it was founded or when it embraced Islam. The Kedah dynasty, however, based on the Hikayat Marong Mahawangsa (more legendary than factual) boasts of an unbroken line of rulers and the present ruler of Kedah, Sultan Abdul Halim Shah, is believed to be a part of this ancient lineage.

Malacca became the centre of the Malay world in about 1400 A.D. The kingdom was founded by Parameswara (a title) who left Temasek (present day Singapore) after being harassed by the Siamese. The kingdom gained fame during his lifetime and established close diplomatic ties with China.

Although many stories and legends have been associated with Malacca which became a sultanate by 1424, there is no doubt that the sovereignty of the Malay sultans today can be traced back to the Malacca dynasty which claimed descent from Seri Teri Buana of Bukit Si Guntang Mahameru in Palembang. Seri Teri Buana, in turn, traced his origin from Alexander the Great who once conquered a part of India.

Ancient Malacca was a famous port; it was the centre of the spice trade in Southeast Asia. It occupied a strategic position and was well-known to traders from the East and West (eventually, Europe too). Malacca's hegemony extended to all the Peninsular states, Sumatra, the islands south of Singapore, Brunei as well as various territories in the Malay Archipelago.

Malacca had an elaborate political and administrative system. This is discernible from a number of historical sources, in particular the Hukum Kanun Melaka (Legal Digests of Malacca), the Undang-undang Raja Melaka (Laws of the Malacca Rulers), the Undang-undang Laut Melaka (the Maritime Laws of Malacca) and the Undang-undang Sultan Mahmud Shah (the Laws of Sultan Mahmud Shah).

A number of titular chieftains were appointed during the days of the sultanate, among them, the Bendahara, the Temenggung, the Penghulu Bendahari, the Laksamana, and the Shahbandar, each with distinct functions. Other Malay kingdoms adopted a basically similar structure. In brief, it may be said that the Malacca Sultanate established the political culture of the Malays with its elaborate palace protocol, royal language, the bestowal of titles and honours as well as the formalities governing relationships between ruler and subjects (rakyat).

The Portuguese conquered Malacca in 1511, forcing its ruling family to seek refuge in various territories. Its ruler, Sultan Mahmud, eventually expired in Kampar, Sumatera in 1528. One of his sons, in the same year became the Sultan of Perak assuming the title

of Sultan Muzaffar Shah. Another son settled down at Johor and assumed the title of Sultan Alauddin, in about 1530. He was deemed to be the successor of Sultan Mahmud.

The kingdom of Johor encountered fluctuating fortunes; eventually the royal lineage ended in 1699 when Sultan Mahmud who, it is believed, had no issue was assassinated by one of his chieftains, Megat Seri Rama.

At this juncture, it was the Bendahara who succeeded to the throne, assuming the title of Sultan Abdul Jalil. He was soon challenged by Raja Kecil of Siak who claimed to be the posthumous son of Sultan Mahmud who died in 1699. In 1721, Bendahara/Sultan Abdul Jalil was himself assassinated by the followers of Raja Kecil. By then, the capital of Johor had shifted to the Riau-Lingga Archipelago and a sibling of Abdul Jalil had established a sultanate at Terengganu assuming the title of Sultan Zainal Abidin.

With the help of Bugis mercenaries, the son of Abdul Jalil regained the throne of Johor. He was known as Sultan Sulaiman. It was shortly after this that the existing kingdom of Kelantan was founded. Its founder, Long Yunus, was installed as the "Raja" by Sultan Mansur of Terengganu. The present royal lineage of Kelantan is descended from Long Yunus.

When the kingdoms of Terengganu and Kelantan were founded is not clear- the former, very likely, soon after Bendahara Abdul Jalil became sultan, and the latter, possibly in the early 1760s.

Negeri Sembilan is yet another kingdom which probably emerged in the early 18th century. This territory had long been settled by people from Minangkabau (Sumatra) and, until the end of the 17th century, owed allegiance first to Malacca and then Johor. With the assassination of Sultan Mahmud and the controversial ascension of the Bendahara, the Minangkabau territories turned to their land of origin for a prince to rule over them. Raja Melewar of Pagar Ruyong arrived possibly soon after the turn of the 18th century and Negeri Sembilan, as a kingdom, was born. It appears that the ruler was traditionally known as Yang Di Pertuan Besar. The present ruling house is descended from Raja Lenggang Laut, probably the third ruler to have come from Pagar Ruyong.

Pada 1721 Bendahara / Sultan Abdul Jalil telah dibunuh oleh pengikut-pengikut Raja Kechil. Pada masa itu ibu negeri Johor telah berpindah ke kepulauan Riau-Lingga. Sementara itu seorang dari anak Abdul Jalil pula telah menjadi pengasas kesultanan di Terengganu, dengan memakai gelaran Sultan Zainal Abidin.

Dengan dibantu oleh panglima-panglima Bugis, anak lelaki Abdul Jalil telah berjaya mengambil semula takhta Johor. Beliau dikenali sebagai Sultan Sulaiman. Sejurus selepas kejadian ini kesultanan Kelantan telah diasaskan oleh Long Yunus yang berkekalan hingga sekarang.

Sejak bilakah kesultanan Terengganu dan Kelantan bermula tidak dapat dipastikan. Kesultanan Terengganu mungkin telah wujud sebaik sahaja Bendahara Abdul Jalil menjadi sultan, dan Kelantan pula mungkin pada awal tahun 1760-an.

Negeri Sembilan juga adalah sebuah kerajaan yang mungkin telah mula wujud pada awal abad ke 18. Jajahan yang telah lama diduduki oleh orang-orang Minangkabau dari Sumatra pada mulanya tunduk kepada Melaka dan kemudiannya Johor. Tetapi pembunuhan Sultan Mahmud dan perlantikan Bendahara menaiki takhta yang penuh kontroversi itu telah menyebabkan jajahan-jajahan Minangkabau di Semenanjung berpaling kepada negeri asal mereka untuk melantik seorang putera diraja sebagai pemerintah. Raja Melewar (dari Pagar Ruyong) mungkin telah tiba pada awal abad ke-18 dan dengan itu bermulalah kerajaan Negeri Sembilan. Secara tradisi raja yang memerintah Negeri Sembilan dikenali sebagai Yang di-Pertuan Besar. Keluarga diraja yang ada sekarang ini berketurunan dari Raja Lenggeng Laut, mungkin raja ketiga yang datang dari Pagar Ruyong.

Kesultanan Selangor telah mula berkerajaan pada abad awal ke-18 iaitu pada awal November, 1766, apabila pemerintah Selangor, seorang Bugis, Raja Lumu, ditabalkan di Perak oleh Sultan Perak, Sultan Mahmud. Raja Lumu telah mengambil gelaran Sultan Salehuddin, dan keturunan baginda terus kekal memerintah Selangor hingga sekarang.

Pada sepanjang abad ke-19 pula tiga buah lagi kerajaan Melayu telah diwujudkan. Yang pertama ialah Perlis. Kerajaan Siam telah menakluki Kedah pada 1821 dan telah menjajahnya selama 20 tahun. Apabila dibebaskan, Kedah telah memulakan sebuah kerajaan kecil, yang dinamakan Perlis, dahulunya merupakan sebahagian dari jajahannya. Pemerintah negeri baru ini berketurunan Jamalullail (keturunan Arab). Sehingga kini Raja Perlis menggunakan gelaran "Raja".

Kerajaan kedua yang wujud pada abad yang sama adalah Pahang. Pada hakikatnya kesultanan Pahang yang pertama telah wujud pada pertengahan abad ke-15 oleh seorang putera Sultan Melaka, tetapi ianya telah diserapi oleh Johor pada abad ke-17. Apabila kerajaan Johor semakin lemah Pahang telah merenggangkan dirinya. Pada tahun 1881, pembesar-pembesar Pahang telah memilih Bendahara sebagai raja dengan menggunakan gelaran Sultan Ahmad.

Kesultanan Melayu yang terakhir ditubuhkan di Semenanjung adalah Johor yang berbeza dari keturunan yang pernah wujud pada zaman pemerintahan Johor Lama oleh Sultan Alauddin, dari keturunan Sultan Melaka. Stamford Raffles telah mengambil kesempatan sewaktu kerajaan Johor begitu lemah untuk mengambil Singapura pada 1819 dengan bantuan Temenggung, seorang pembesar kerajaan Johor Lama. Untuk mengesahkan pengambilan Singapura dari Johor, Raffles telah mengiktiraf Tengku Hussain abang kepada Sultan Johor Lama, Sultan Abdul Rahman, sebagai raja Johor yang sah, mengenakan peraturan primogeniture, iaitu satu adat British dan bukannya adat raja-raja Melayu.

Namun begitu, Sultan Hussain, yang diiktiraf British, tidak mempunyai kuasa ke atas Johor Lama. Apabila baginda mangkat, pihak British pada mulanya enggan mengiktiraf anaknya Tengku Ali sebagai waris yang sah. Hanya dua dekad kemudian barulah mereka menerimanya. Pada 1855 Tengku Ali telah dipaksa menandatangani sebuah perjanjian yang

membenarkan Temenggung Ibrahim (anak Temenggung Abdul Rahman) kuasa de facto ke atas Johor sementara Sultan Ali diberi jajahan Kesang (berhampiran Melaka). Pada 1866, anak lelaki Temenggung Ibrahim, Abu Bakar, mengguna gelaran Maharaja dan pada 1885, selepas menandatangani satu perjanjian dengan Britain, beliau telah diiktiraf sebagai Sultan Johor. Johor Lama tidak lagi wujud sebagai kerajaan selepas peristiwa tersebut.

Pada masa ini pentadbiran British di negeri-negeri Melayu telah bermula berkuatkuasa di Perak. Pentadbiran British mengambil masa 45 tahun untuk meluaskan pentadbirannya ke negeri-negeri lain. Pentadbir British ini mempunyai kuasa eksekutif utama memakai gelaran Residen atau Penasihat Inggeris dan Johor di kenali sebagai "General Advisor" (Penasihat Am). Kerajaan Melayu terakhir yang menerima seorang pentadbir British ialah Terengganu, pada 1919.

Kemasukan pentadbiran British menghadkan kuasa-kuasa raja dan pembesar-pembesar mereka sungguh pun kedaulatan raja-raja masih wujud pada teorinya, tetapi kuasa mereka terbatas kepada bidang agama dan adat istiadat Melayu sahaja. Walaupun pihak British telah melatih beberapa pembesar terpilih untuk bertugas dalam birokrasi mereka, kebanyakan mereka tidak diberi kuasa eksekutif yang pada satu masa dahulu adalah hak mereka terutamanya kuasa mengutip cukai.

Pada mulanya, terdapat bantahan terhadap susunan baru ini di beberapa negeri - Perak, Negeri Sembilan dan Pahang - tetapi pihak British telah berjaya membenterasnya. Pada 1896, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah dijadikan satu persekutuan dengan seorang Resident-General sebagai ketua eksekutifnya.

Majlis-majlis negeri yang mempunyai kuasa membentuk undang-undang secara terbatas telah juga ditubuhkan bermula pada 1876. Pada 1909 sebuah Majlis Persekutuan telah ditubuhkan pihak kerajaan pusat yang lebih tegas ke atas Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Selangor was another kingdom founded in the 18th century. In this instance, the precise year of its foundation is known. It was early November, 1766, that the Bugis ruler of Selangor, Raja Lumu, was installed, in Perak, by Sultan Mahmud of Perak and assumed the title of Sultan Salehuddin, thus founding the present Selangor dynasty.

Three other Malay kingdoms emerged in the course of the 19th century. The first was Perlis. Siam conquered Kedah in 1821 and ruled the territory for 20 years. When it freed Kedah, it created the little kingdom of Perlis, once a territory of Kedah. The new ruler was a member of the Jamalullail clan (of Arab descent). Until today, the ruler of Perlis uses the title "Raja".

The second kingdom to emerge was Pahang which had been a sultanate in the mid-15th century, founded by a prince from Malacca. But it was absorbed by Johor in the course of

the 17th century. When Johor declined, Pahang became increasingly autonomous. In 1881, the chieftains elected the Bendahara as the ruler with the title Sultan Ahmad.


The last of the present Peninsular sultanates to be established was Johor which should be distinguished from ancient Johor (or Johor Lama) founded by Sultan Alauddin, a Malacca prince. Stamford Raffles took advantage of the weakness of the Ancient Johor kingdom to acquire Singapore in 1819, with the help of the Temenggong, a high ranking official of Ancient Johor. To legalize the cession of Singapore, Raffles recognized the elder brother (Tengku Hussain) of Sultan Abdul Rahman of Johor Lama, as the legitimate ruler, applying the principle of primogeniture which was the rule in Britain but not in the Malay kingdoms.

Sultan Hussain, whom the British recognized, however, had no jurisdiction over Johor Lama. When he died, the British originally refused to recognize his son Tengku Ali, as the successor. It was almost two decades later that they finally did. In 1855, he was asked to sign a treaty which allowed Temenggong Ibrahim's (son of Temenggong Abdul Rahman) de facto control over the Peninsular Johor while Sultan Ali was assigned the little territory of Kesang (next to Malacca). In 1968, Temenggong Ibrahim's son, Abu Bakar, assumed the title of Maharaja and, in 1885, after signing a treaty with Britain, he was recognized as the Sultan of Johor, not including Johor Lama which as a sultanate ceased to exist after the turn of the 20th century.

By then, British administration of the Malay kingdoms had begun, at first in the kingdom of Perak. The extension of British administration occurred over a period of 45 years. The last Malay kingdom to accept a British administrator (as the principal executive, called "British Resident" in some instances, "British Advisor" in others and, in Johor, "General Advisor") was Terengganu, in 1919.

The introduction of British administration considerably curtailed the powers of the rulers and the aristocrats, although the sovereignty of the rulers was theoretically preserved, their functions were basically confined to religious and ceremonial matters. While the British trained select members of the aristocracy to serve the bureaucracy, the majority were deprived of the executive authority which they once enjoyed especially as collectors of revenue.

Initially, there was opposition to the new order in a number of states - Perak, Negeri Sembilan and Pahang - but the British suppressed all opposition and, by 1896, Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang were formed into a federation with a Resident-General as the principal executive.



PERSIDANGAN DURBAR PERTAMA DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR PADA TAHUN 1896.

THE FIRST DURBAR AT ISKANDARIAH PALACE, KUALA KANGSAR IN 1896.

Untuk menguatkan lagi hubungan di antara negeri-negeri, pihak British telah memulakan apa yang dikenali sebagai Durbar pada 1897, iaitu satu Persidangan Majlis Raja-Raja. Durbar tersebut telah diadakan lagi pada 1903 tetapi ditamatkan apabila Majlis Persekutuan ditubuh dan raja-raja Melayu menjadi ahli-ahli *ex-officio*nya. Tetapi Durbar telah dihidupkan semula selepas raja-raja Melayu menarik diri dari Majlis Persekutuan pada 1927.

Sejajar dengan prinsip pemisahan kuasa, pihak British juga telah mewujudkan mahkamah-mahkamah sivil yang pada umumnya, tidak menyentuh soal-soal berkaitan dengan Islam. Sebaliknya satu susunan hierarki pegawai-pegawai agama Islam seperti imam, kadi dan bilal telah di lantik untuk menangani hal ehwal Islam.

Pentadbiran British telah membawa kepada perubahan-perubahan sosial yang besar kesan aspek pembangunan ekonomi yang pesat. Masyarakat berbilang kaum wujud terutamanya di kawasan-kawasan pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Bandar-bandar baru di kawasan

pedalaman menggantikan bandar-bandar perlabuhan Melayu tradisional sebagai pusat-pusat perdagangan.

Kemudahan sosial, seperti hospital, sekolah, dan bekalan air, disusuli lewat kemudian oleh bekalan elektrik, mula-mula dibekalkan ke bandar-bandar yang dianggap penting dari segi komersial dan pentadbiran.

Sistem pengangkutan dan perhubungan moden (perkhidmatan keretapi, pos dan telegrafik, kemudian jalan-jalan raya) telah menolong menghubungkan beberapa bandar terutamanya bandar-bandar di bahagian barat Semenanjung. Kereta api timur-selatan yang menghubungi Prai (bertentangan Pulau Pinang) dan Johor Bahru telah selesai dibina pada 1909. Apabila Tambak Johor dibina pada 1923, Singapura telah dapat dihubungkan dengan Semenanjung.

Pentadbiran tempatan juga telah diperkenalkan. Lembaga Kesihatan Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1890 dan disusuli pula pada 1892-1893 oleh beberapa perbadanan yang sama di Perak dan, selepas itu di beberapa bandar dan daerah yang lain.

Timah merupakan sumber pendapatan utama buat beberapa tahun, yang menyumbang terhadap pembangunan negeri-negeri Melayu. Pertanian secara komersial (terutamanya kopi) diikuti dengan getah telah menjadi sumber pendapatan penting (kemudiannya melebihi pendapatan dari timah) hanya pada 1906.

Negeri-negeri Melayu di luar kuasa persekutuan tidak mengalami kadar pertumbuhan yang sama walaupun dari segi komersial. Johor (pada amnya melalui bidang pertanian) telah mampu bersaing dengan Perak dan Selangor; dua negeri persekutuan yang paling kaya.

Terdapat beberapa perkembangan penting selepas Perang Dunia Pertama dan Kedua (penaklukan Jepun) yang mengakibatkan keruntuhan sosial dan ekonomi. Zaman penyesuaian semula selepas 1945 telah menyaksikan pemulihan ekonomi yang pesat diiringi oleh pertumbuhan kesedaran politik, sungguhpun pemerintahan darurat telah dikenakan bermula dari 1948 kerana keganasan gerila komunis.

Pada bulan Disember 1951 pilihanraya tempatan diperkenalkan selepas sebuah perlembagaan baru dilaksanakan pada 1948 sebagai pertukaran kepada Malayan Union, yang penuh kontroversi, berkuatkuasa sejak 1946. Pilihanraya umum persekutuan telah mula diperkenalkan pada 1955 dan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan Persekutuan yang diperkenalkan selepas negara ini mencapai kemerdekaan telah memberikan peruntukan untuk mewujudkan satu institusi baru yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong. Perlembagaan ini juga memberi kuasa kepada raja-raja Melayu yang berkerajaan di sembilan negeri Melayu di Semenanjung untuk melantik salah seorang daripada mereka menaiki takhta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memerintah mengikut prinsip Raja Berperlembagaan untuk selama lima tahun melalui satu pemilihan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja.



PERSIDANGAN DURBAR YANG KEDUA DIADAKAN DI KUALA LUMPUR PADA TAHUN 1903.

THE SECOND DURBAR IN KUALA LUMPUR, 1903.

State councils, with limited legislative powers, were also set up beginning from 1876 and, by 1909, a Federal Council had been established which introduced firmer central control over the Federated Malay States.

To enhance closer ties among the states, the British initiated what was known as the Durbar in 1897 which was in effect, a Conference of Rulers. The Durbar was held again in 1903 but was discontinued when the Federal Council was formed and the Malay rulers were ex-officio members of the Council. The Durbar was, however, revived after the Malay rulers withdrew from the Council in 1927.


Consistent with the principle of the separation of powers, the British also introduced civil courts which, in general, did not deal with matters pertaining to Islam. But a hierarchy of Islamic officials such as imam, kadhi and bilal were appointed to deal with Islamic affairs.

British administration led to major social change as a result of economic development. An increasingly cosmopolitan society emerged especially where economic development occurred more rapidly.

New towns in the interior replaced the traditional Malay port-towns as the commercial centres. Social amenities, such as hospitals, schools, and water supply, followed much later by electricity, were first made available in towns which were commercially and administratively more important.

Modern transport and communication (railways, postal and telegraphic services, later, roads for motor vehicles) helped to link the various towns especially on the west of the Peninsula. The north south railway, linking Prai (opposite Penang) and Johor Bahru (opposite Singapore) was completed by 1909. The Johor Causeway was, however, built only in 1923.

Local administration was also introduced. The first of such bodies - the Kuala Lumpur Sanitary Board - was established in 1890 followed in 1892-1893 by several similar bodies in Perak and, thereafter, various other towns or districts.



SIR SAMUEL WILSON BERTEMU YANG MULIA YAM TUAN MUHAMAD UNTUK MEMBINCANGKAN POLISI DISENTRALISASI PADA TAHUN 1931.

SIR SAMUEL WILSON MEETS HIS MAJESTY YAM TUAN MUHAMAD TO DISCUSS THE POLICY OF DECENTRALIZATION IN 1931.

Tin for many years provided the main revenue, directly and indirectly, for the development of the Malay states. Commercial agriculture (especially coffee) followed next but rubber did not become important (subsequently overshadowing tin) until about 1906.

The Malay states outside the federation did not experience the same rate of development although economically Johor kept pace (mainly through agriculture) with Perak and Selangor of the richer states within the federation.

There were other important developments after World War 1, and World War 2 (the Japanese Occupation) resulted in serious social and economic dislocation. The period of rehabilitation, after 1945, witnessed rapid economic recovery accompanied by the growth of political consciousness, despite the imposition of Emergency rule beginning from 1948 owing to the communist insurrection.

Local elections were introduced beginning from December 1951 after a new constitution had been implemented in 1948 to replace the controversial Malayan Union which came into existence in 1946. Federal elections were first introduced in 1955 and Malaya gained independence on August 31, 1957 which witnessed the establishment of a new institution the Yang di-Pertuan Agong (Paramount Ruler) who is elected once in five years, from among the nine rulers.


1946

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan pada 1hb. Februari 1948, mengandungi 9 buah negeri-negeri Melayu iaitu Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan dan Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Penubuhannya adalah hasil daripada tentangan hebat orang-orang Melayu terhadap penubuhan Malayan Union, di bawah ke pimpinan Datuk Onn bin Jaafar.

Kerajaan Persekutuan ini diketuai oleh seorang Pesuruhjaya British dengan dibantu dan dinasihati oleh sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan yang mengandungi 7 orang ahli rasmi dan 7 orang ahli tidak rasmi. Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan mengandungi Pesuruhjaya Tinggi, 3 orang ahli tidak rasmi, 11 orang ahli rasmi serta 52 orang ahli tidak rasmi yang mewakili segenap lapisan masyarakat Tanah Melayu. Selain daripada itu 9 orang Yang di-Pertua Majlis Mesyuarat Negeri dan 2 orang wakil dari Negeri-Negeri Selat menjadi ahli tidak rasmi. Sebuah Majlis Raja-Raja Melayu akan menasihatkan

Pesuruhjaya Tinggi atas perkara imigresen. Residen British diganti dengan seorang Menteri Besar di tiap-tiap negeri dalam Persekutuan. Syarat-syarat kerakyatan di bawah kerajaan baru ini diperketatkan lagi. Perlembagaan Tanah Melayu telah memulangkan semula kedaulatan Melayu termasuk hak-hak dan kuasa kebesaran Raja-Raja Melayu. Pemerintahan ini merupakan satu langkah ke arah mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang akhirnya dicapai 9 tahun kemudian iaitu pada 31 hb. Ogos, 1957.



TENTANGAN HEBAT ORANG-ORANG MELAYU TERHADAP PENUBUHAN MALAYAN UNION TELAH MENGAKIBATKAN PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

THE MALAYAN UNION MET WITH STRONG OPPOSITION BY THE MALAYS WHICH LED TO THE FORMATION OF THE FEDERATION OF MALAYSIA.

FEDERATION OF MALAYA

The Federation of Malaya was formed on February 1, 1948 comprising the states of Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Trengganu and Kelantan, and the Straits Settlement of Penang and Malacca. The formation of the Federation was the result of strong opposition from the Malays to the formation of the Malay Union under the leadership of Dato' Onn bin Jaafar.

The Federal Government was headed by a British High Commissioner who was assisted and advised by an Executive Council consisting of 7 official and 7 unofficial members. There was also a Federal Legislative Council comprising of the High Commissioner, 3 unofficial members, 11 official members and 52 unofficial members representing the people throughout the Federation. In addition, there were 9 chairmen from the various State Councils and 2 representatives from the Straits Settlement who became unofficial members. A Chief Minister replaced the British Resident in each state of the Federation. A Council of Rulers was formed to advise the High Commissioner on matters relating to immigration and conditions for

citizenship under the new government were tightened. The Malayan Constitution reinstated Malay Sovereignty and included the rights and powers of the Malay Rulers. This system of government was the first step towards Independence which was finally achieved 9 years later on August 31, 1957.

1948

KEMERDEKAAN

Satu perlembagaan baru yang dibentuk pada tahun 1955 telah memindahkan tanggungjawab kerajaan kepada wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat. Majlis Perundangan Persekutuan yang baru memiliki suara terbanyak.

Dalam pilihanraya pertama yang telah diadakan pada bulan Julai, 1955, Parti Perikatan, satu parti politik campuran yang terdiri daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India SeMalaya (MIC) telah memenangi 51 dari 52 kawasan parlimen dan seterusnya memajukan tuntutan kemerdekaan: Tunku Abdul Rahman, pemimpin Parti Perikatan telah dilantik sebagai Ketua Menteri.


Pada bulan Mac, 1956, satu Suruhanjaya Perlembagaan yang bebas telah dilantik dan cadangan-cadangan perlembagaan Suruhanjaya itu diterima oleh Majlis Undangan selepas diubahsuai oleh Parti Perikatan.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada bulan Ogos, 1957, kemerdekaan telah diisytiharkan dan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri yang pertama.



Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN DAN ROMBONGAN DARI LONDON KEMBALI PULANG SELEPAS MENANDATANGANI PERSETUJUAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN AND DELEGATES RETURNING HOME AFTER SIGNING THE FEDERATION OF MALAYA AGREEMENT IN LONDON.



Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN MENGISYTIHARKAN KEMERDEKAAN PADA 31 OGOS, 1957

Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN DECLARING INDEPENDENCE ON AUGUST 31ST, 1957

A new constitution introduced in 1955 transferred the responsibility of government to elected representatives of the people. The new Federal Legislative Council had an elected majority.

In the first general election held in July 1955, the Alliance Party, a coalition of the United Malays National Organization (UMNO), the Malayan Chinese Association (MCA) and the Malayan Indian Congress

INDEPENDENCE

(MIC), won 51 out of 52 parliamentary seats and spurred a demand for independence. Tunku Abdul Rahman, who was the leader of the Alliance Party, became the Chief Minister.

In March 1956, an independent Constitutional Commission was appointed and its constitutional proposals, after modification by the ruling Alliance Party, were accepted by the Legislative Council.

The Federation of Malaya Agreement was signed in August 1957. On August 31, 1957, Merdeka or Independence was proclaimed and Tunku Abdul Rahman became the first Prime Minister with His Royal Highness the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman as the first Yang di-Pertuan Agong or King.

Perlembagaan Malaysia mensyaratkan pemilihan seorang Raja yang memerintah secara perlembagaan selama lima tahun. Pemilihan yang di-Pertuan Agong, iaitu sebahagian daripada tugas-tugas Majlis Raja-Raja adalah mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Malaysia. Maka dengan pemilihan itu Yang di-Pertuan Agong ialah orang yang terutama sekali dalam Malaysia. Kedudukan Permaisuri Baginda Raja Permaisuri Agong ialah selepas Seri Paduka Baginda.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Kepala Negara dan lambang taat setia rakyat Malaysia kepada Undang-Undang dan Perlembagaan. Baginda adalah lambang keunggulan dan perpaduan rakyat.

Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan satu peristiwa penting yang bersejarah bagi Malaysia dan dilaksanakan menurut kebesaran adat-istiadat raja-raja Melayu yang gilang-gemilang.

PERLANTIKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG ELECTION OF HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG

The Constitution of Malaysia stipulates that a Supreme Ruler shall be elected to reign as a constitutional monarch for a term of five years. One of the duties of the Council of Rulers is the election of the Yang Di Pertuan Agong as provided under Section Three of the Constitution. Upon his election, the Yang di-Pertuan Agong becomes Malaysia's foremost personage, followed by his consort, the Raja Permaisuri Agong or the Queen.

His Majesty, the Yang Di Pertuan Agong is the Head of State, a symbol of the loyalty of the people to the Laws and Constitution of Malaysia and represents the honour and unity of the people.




Y.A.B. PERDANA MENTERI MENYEMBAHKAN SURAT TAAT SETIA KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG PADA HARI PERLANTIKAN BAGINDA DI ISTANA NEGARA.

THE PRIME MINISTER GIVES HIS PLEDGE OF LOYALTY TO HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG ON THE KING'S APPOINTMENT DAY.

The installation of His Majesty, the Yang Di Pertuan Agong is a significant historical event for Malaysia. It is carried out with pomp and splendour in accordance to the traditions of Malay Royalty.

Yang di-Pertuan Agong dikurniakan dengan kuasa eksekutif Persekutuan Malaysia. Dalam menjalankan tugas ini, Baginda tidak bertindak bersendirian tetapi sebaliknya di atas nasihat pemimpin parti politik yang membentuk kerajaan. Baginda juga adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata.



Menurut fasal 3(3) dan (5).


Baginda juga adalah Ketua agama Islam untuk Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak

Perlembagaan Persekutuan menggariskan beberapa fasal bersabit kuasa-kuasa yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong. Kuasa-kuasa ini termasuklah memanggil dan membubar Parlimen seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 55 Perlembagaan Persekutuan dan juga perlantikan Perdana Menteri di bawah fasal 40 (2).

Baginda Yang di-Pertuan Agong juga melantik Menteri-Menteri Kabinet atas nasihat Perdana Menteri, dan juga perlantikan ahli-ahli Dewan Negara, Peguam Negara, Juruaudit Negara dan Timbalan-timbalan Menteri.

Baginda juga berkuasa untuk memberi Persetujuan Diraja kepada mana-mana Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Parlimen di bawah fasal 66 dan mempunyai kuasa mengampun di bawah fasal 42.

Jelaslah bahawa Yang di-Pertuan Agong akan senentiasa melindungi kepentingan rakyat dan akan memberi sokongannya supaya urusan kerajaan dapat berjalan dengan lancar, untuk kemakmuran rakyat dan pembangunan negara.



**BAGINDA JUGA ADALAH PEMERINTAH TERTINGGI
ANGKATAN TENTERA
HIS MAJESTY IS ALSO THE SUPREME COMMANDER OF
THE ARMED FORCES**

The Yang di-Pertuan Agong is vested with the Executive authority of the Federation of Malaysia. In carrying out these duties, His Majesty does not act on his own but seeks the advice of the head of the ruling political party that forms the government of the day. His Majesty is also the Supreme Commander of the Armed Forces.

He is also the Head of the religion of Islam, in the Federal Territory, Penang, Malacca, Sabah and Sarawak under article 3(3) and (5).

The Federal Constitution outlines a number of articles pertaining to the powers of the Yang di-Pertuan Agong. These powers include the summoning and dissolution of Parliament as provided in article 55 of the Federal Constitution and also the appointment of the Prime Minister under article 40(2).

The Yang di-Pertuan Agong will also seek the advice of the Prime Minister in order to perform the functions of appointing a Cabinet of Ministers as well as appointing the members of the Senate, the Attorney General, the Auditor General and the Deputy Ministers.

His Majesty gives the Royal Assent to any Bills passed in Parliament under article 66 and is conferred the power to grant pardons under article 42.

It is clear that the Yang di-Pertuan Agong will constantly have the interests of the people at heart and will give the royal support for the smooth running of the government, for the prosperity of his subjects and the development of the nation.

ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA

Alat-alat Kebesaran diraja yang diperlengkapkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong melambangkan kedaulatan Baginda dan negara. Alat-alat kebesaran ini telah dicipta khas dan dipersesuaikan dengan alat-alat kebesaran yang pernah menjadi warisan kegemilangan raja-raja Melayu di zaman keagungannya dahulu. Dayacipta dan teknik pembuatannya yang begitu halus dan bermutu tinggi dapat menggambarkan betapa hebat dan unggulunya keperibadian pemakainya sebagai seorang Ketua Negara yang berdaulat.

Alat-alat ini mengandungi beberapa jenis alat perhiasan diri, berbagai jenis senjata yang menjadi lambang kuasa dan kemegahan raja-raja Melayu dan juga persalinan yang lengkap. Bahan-bahan yang digunakan untuk mencipta alat-alat ini terdiri daripada berbagai jenis pancalogam, kain, gading, permata dan lain-lain lagi yang begitu tinggi nilainya dan sukar diperolehi.

Setiap alat kebesaran ini mempunyai fungsi dan konsep falsafahnya yang tersendiri. Ianya akan hanya dipakai dan digunakan untuk upacara tertentu seperti di hari pertabalan dan lain-lain upacara rasmi sahaja.

THE ROYAL REGALIA

The Royal Regalia of Their Majesties, the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong form part of the panoply of authority symbolizing the sovereignty of Their Majesties and the nation. The items that form the regalia have been specially designed in the tradition that was once part of the grandiose heritage of ancient Malay rulers. The splendid craftsmanship employed to produce these exquisitely refined items reflects the pre-eminence of the wearer as the sovereign Head of a nation.

Personal ornaments, various weapons symbolizing power and authority of Malay rulers and robe of office are all part of the regalia. These items are made of precious metals, fabrics, ivory and precious stones of rare and high quality.

Each item has its own unique function and philosophical concept and is worn on special official functions such as on the day of the installation of Their Majesties.

MOHOR BESAR

Mohor merupakan satu tanda pengesahan khasnya digunakan oleh pemerintah dalam sesuatu negara, daerah ataupun biasa juga digunakan oleh institusi-institusi ataupun pertubuhan-pertubuhan untuk mengesahkan pekelilingan dan apa juga keputusan yang dicapai. Mohor telah digunakan sejak berabad-abad yang lalu sebagai tanda pengesahan sesuatu pengisytiharan.

Mohor Besar bagi Kerajaan Malaysia yang ada sehingga kini mula digunakan semenjak 15 Februari 1948 di Persidangan Majlis Raja-Raja sempena penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Cop Mohor ini berbentuk bulat di tengah-tengahnya tertulis dalam tulisan jawi dengan "Mohor Besar Raja-Raja Melayu" dan disekelilingnya terdapat lambang sembilan buah negeri-negeri yang beraja di Malaysia.

Pada masa ini Mohor Besar ini selain digunakan dalam Persidangan Raja-Raja ia juga digunakan bagi memateri apa-apa juga perkara yang akan diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Mohor Besar ini disimpan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu yang bertindak sebagai setiausaha kepada majlis ini.



A seal is a stamp of authority used by a ruler or government of a country or district. It is also normally used by institutions or organizations to verify authenticity of official documents. Seals have been used throughout the centuries as a regal proclamation of identity.

The Royal Seal of the Government of Malaysia was first used on February 15th, 1948 at the Conference of Rulers in conjunction with the formation of the Federation of Malaya. The Royal Seal is circular in shape with the wordings "Royal Seal of the Malay Rulers" inscribed in Arabic script in the centre. Encompassing these wordings are the crests of the nine states of the rulers in Malaysia, that is Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Trengganu and Kelantan.


Besides being used to stamp decisions arrived at at the Rulers' Conference, the Royal Seal is also used as a stamp of authority on other matters such as amendments to the Federal Constitution.

The Royal Seal is kept by the Keeper of the Royal Seal who acts as the secretary to the Conference of Rulers.

THE ROYAL SEAL

TENGKOLOK DIRAJA

Di antara pakaian-pakaian kebesaran Raja-Raja Melayu ialah Tengkolok Diraja. Tengkolok Diraja yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Pertabalan berwarna hitam bersulam dengan benang emas. Soleknya dinamakan "Dendam Tak Sudah" yang berasal dari Negeri Sembilan. Di sebelah hadapan tengkolok ini dipasangkan anak bulan dengan bintang pecah empat belas diperbuat daripada emas putih bertatahkan 66 permata berlian dan di tengah-tengah bintang terletak lambang Kerajaan Malaysia yang berwarna-warni.




THE ROYAL HEAD-DRESS

The Tengkolok Diraja or the Royal Head-dress is part of the ceremonial attire of the Malay Rulers. The Royal Head-dress worn by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong during his installation is made of black fabric embroidered with gold thread (songket). It is folded in the style called "Dendam Tak Sudah" which originates from Negeri Sembilan. Fixed at the front of the Head-dress is a crescent and fourteen-pointed star representing the fourteen states in Malaysia. This platinum ornament is studded with 66 diamonds. In the centre of the star is the colourful crest of the Government of Malaysia.

GENDIK DIRAJA

Gendik (Pemeles) ialah pakaian ulu bagi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong iaitu diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian berbunga awan larat. Pada tengah-tengah di atas awan larat itu terdapat anak bulan dengan bintang kedua-duanya diperbuat daripada emas putih juga. Gendik ini dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran diraja dan pada waktu pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Gendik ini diperbuat khas supaya boleh diceraikan menjadikannya loket dan keronang.



THE ROYAL TIARA

The "Gendik" or tiara is the head-dress of Her Majesty the Raja Permaisuri Agong. It is made of platinum and is encrusted with diamonds in the traditional "awan larat" motif. A crescent and a star of diamonds set in platinum are in the centre of the tiara. The tiara is worn by Her Majesty on royal occasions and during the installation of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The tiara is designed so that it can be taken apart to form a locket and two brooches.

COGAN ALAM DAN COGAN AGAMA

Cogan Alam dan Cogan Agama ialah alat kebesaran yang menjadi sebahagian daripada lambang kebesaran Kerajaan Malaysia.

Cogan Alam diperbuat daripada perak, panjangnya lima kaki empat inci dan berupa suatu bola di atas kepala tongkat. Di atas bola ini diperbuat anak bulan dengan bintang daripada emas. Di sekeliling bola ini diterapkan dengan lambang sebelas Negeri Tanah Melayu daripada emas. Bola tersebut ditanggung oleh empat lembaga harimau yang berdiri, manakala tongkatnya dihiasi dengan enam tangkai padi daripada emas.



Cogan Agama diperbuat daripada perak, panjangnya lima kaki satu inci dan berupa sebatang tongkat bulat berkepala besar. Di atas kepala tongkat itu diperbuat anak bulan dengan bintang pecah lima daripada emas. Pada batang dan kepalanya diterapkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran

The "Cogan Alam" or the Sceptre of the World and the "Cogan Agama" or the Sceptre of Religion are part of the royal regalia symbolizing the royal authority of the Government of Malaysia.

The Sceptre of the World is made of silver measuring five feet four inches in length. At the head of the sceptre is an orb which is surmounted by a crescent and eleven-pointed star in gold. The crests of the eleven states fabricated from gold decorate the orb. The orb is supported by four standing upright tigers whilst the shaft is decorated with six ears of padi in gold.

The "Cogan Agama" or the Sceptre of Religion is made of silver measuring five feet four inches in length with a large conical head. At the top of the head are a crescent and a five-pointed star in gold. Verses of the Holy Quran are engraved on the head and around the shaft.

THE SCEPTRE OF THE WORLD AND THE SCEPTRE OF RELIGION



COKMAR

Terdapat sepasang Cokmar diperbuat daripada perak, tiap-tiap satu panjangnya dua kaki lapan inci dan merupakan tongkat pendek berkepala kobah yang berulas-ulas.

THE MACES

The "Cokmar" or maces come in a pair and are made of silver. Each mace measures five feet eight inches in length and has a bulbous fluted head.






PENDING DIRAJA

Pending Diraja ini diperbuat daripada emas sepuluh mutu bertatah dan bersulamkan dengan sebelas biji permata delima dan pada tengah-tengahnya pula tertera lambang Kerajaan Persekutuan. Bengkungnya diperbuat daripada kain sakhlal bertekak berbunga-bunga dengan benang emas.

THE ROYAL WAIST-BUCKLE

The "Pending Diraja" or Royal Waist-buckle worn by His Majesty The Yang di-Pertuan Agong, is made of 24-carat gold decorated with eleven rubies and embossed at the centre with the crest of Federal Government. The accompanying waistband is made of woolen cloth embroidered with floral motifs in gold thread.





THE ROYAL NECKLACE

The "Kalung Diraja" or the Royal Necklace worn by Her Majesty The Permaisuri Agong, is made of platinum studded with diamonds. The necklace is part of Her Majesty's regalia worn during royal ceremonies and the installation of His Majesty The Yang di-Pertuan Agong. Like the tiara, the necklace can also be taken apart to make into a pair of ear-rings, a brooch and a pair of ear-studs.

KALUNG DIRAJA

Kalung ini ialah rantai leher yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian. Kalung ini ialah sebahagian daripada pakaian kebesaran yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran diraja dan pada waktu pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalung ini juga boleh dicerai menjadikannya sepasang subang, keronasang dan kerabu.



KERIS PANJANG DIRAJA

Suatu lagi alat kebesaran ialah Keris Panjang Diraja (Keris Kerajaan) tanda kebesaran dan kekuasaan. Keris ini daripada hulunya hingga ke sarungnya bersalut dengan emas dan di atas sampirnya diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan dan sebelas Negeri Tanah Melayu. Matanya ditempa daripada besi waja yang diambil dari sebelas bilah keris dari negeri-negeri tersebut. Keris ini dibawa atau dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja.



THE ROYAL LONG KERIS


The "Keris Panjang Diraja" or the Royal Long Keris, is the State Keris, a symbol of power and authority. The hilt and the sheath of the Long Keris are completely gilded and the cross-piece of the sheath is engraved with the crests of the Federal Government and the eleven states of the Federation of Malaya. The blade is forged from steel taken from eleven kerises of these eleven states. The Long Keris is carried or worn by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong.

THE ROYAL SHORT KERIS

The "Keris Pendek Diraja" or the Royal Short Keris was forged from the blades of antique kerises with its hilt and sheath made of ivory decorated with gold. Its hilt is called "Hulu Perkaka" and is shaped like the legendary "Garuda" (Vishnu's eagle). The cross-piece of the sheath is embossed with the crest of the Federal Government. The Short Keris is part of the Royal Regalia and like, the Long Keris, is carried or worn by His Majesty The Yang di-Pertuan Agong.



KERIS PENDEK DIRAJA

Keris Pendek Diraja diperbuat daripada mata keris lama dengan berhulu dan bersarung gading bertatahkan emas. Hulu Keris ini dinamakan "Hulu Perkaka" dan berupa seperti "Garuda". Pada sampir keris ini diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan. Keris ini ialah salah satu pakaian kebesaran diraja dan seperti Keris Panjang Diraja ia hanya dibawa atau dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.



PEDANG, KERIS PANJANG DAN SUNDANG DIRAJA

Pedang, Keris Panjang dan Sundang ialah tiga jenis senjata Melayu tua yang dijadikan sebahagian daripada alat kebesaran diraja iaitu diambil daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala. Keris panjang dan sundang bersalut dengan perak yang berukir-ukir pada hulu dan sarungnya.




THE ROYAL SWORD, LONG KERIS AND SWORD-KERIS

The "Pedang", "Keris Panjang" and "Sundang" or the Royal Sword, Long Keris and the Sword-Keris are three traditional Malay weapons that have been part of the Royal Regalia. The present weapons were made from blades from the antique sword, long keris and sword-keris. The hilts and sheaths of the Long Keris and the Sword-Keris are decorated with carved silver.

PANJI-PANJI DIRAJA

Panji-Panji Diraja yang berwarna kuning mempunyai Jata Malaysia di tengah-tengahnya yang dikelilingi oleh dua karangan padi. Warna kuning ialah warna diraja. Karangan padi yang berwarna keemasan melambangkan kemewahan atau kemakmuran.



THE ROYAL STANDARD

The "Panji-panji Diraja" or the Royal Standard (flag) is royal yellow. In the centre is the Coat of Arms of Malaysia flanked by two sheaves of padi. The gold-coloured sheaves represent abundance and prosperity.



PAYUNG UBUR-UBUR KUNING DAN TOMBAK BERAMBU

Payung Ubur-Ubur Kuning dan Tombak Berambu ini ialah sebahagian daripada alat kebesaran diraja.

Payung Ubur-Ubur Kuning sebanyak dua puluh kaki diperbuat daripada kain sutera yang berwarna kuning raja iaitu warna yang dipandang mulia oleh orang Melayu dan dikhaskan menjadi kebesaran raja-raja. Pada kemuncaknya dipasangkan anak bulan dengan bintang.

Tombak Berambu ini sebanyak dua puluh juga, matanya berluk tiga diperbuat daripada tombak-tombak pesaka dari sebelas negeri Semenanjung Malaysia.

THE YELLOW FRINGED UMBRELLAS AND THE TASSELED LANCES

The "Payung Ubur-ubur Kuning" or Yellow Fringed Umbrella and the "Tombak Berambu" or Tasseled Lances are often part of the pomp and splendour of royal ceremonies.


There are twenty Yellow Fringed Umbrellas made from silk in royal yellow, a colour that is respected by the Malays and reserved only for royalty. Each umbrella is surmounted by a star and a crescent.

The Tasseled Lances are also twenty in number. The blades of these lances have three curved flexures, like those of a keris. They were made from ancient spears from the eleven states of Peninsular Malaysia.



NOBAT


Nobat is the royal orchestra of Malay States and performs during the Installation ceremony of the Rulers. There are six musical instruments in the Nobat, namely the "Gendang Negara" (a big drum), a "Nafiri" resembling a long clarinet, two "Gendang Nobat" (Nobat drum), a "Serunai" (flute) and a Gong. There is also a staff-like baton called "Maha Guru" held by the chief conductor called "Kalur Besar." The States that have the Nobat are Kedah, Perak, Selangor and Trengganu. The one performed during the Installation of the Yang di-Pertuan Agong is the Nobat Kedah which was graciously given on loan by His Royal Highness The Sultan of Kedah. Nobat can only be performed at the command of the Sultan and during royal ceremonies such as the installation, royal weddings and funerals. The royal musicians are hand-picked from privileged families and are the only ones allowed to perform the Nobat. During the Installation ceremony three tunes are played, that is "Raja Berangkat" when Their Majesties enter the Balai Rong Seri, the "Palu" when the Royal Regalia are brought before the Throne, and "Raja Bertabal" after the Document of the Royal Oath has been read. "Raja Berangkat" is played once again when Their Majesties retire from the Balai Rong Seri.



NOBAT

Nobat ialah pancaragam diraja yang telah digunakan dari zaman-berzaman di Negeri-negeri Melayu untuk istiadat Pertabalan Raja-Raja. Alat-alatnya adalah sebanyak enam buah, iaitu sebuah Gendang Negara, sebatang Nafiri, dua buah Gendang Nobat, sebatang Serunai dan sebuah Gong yang bergantung. Ada juga sebatang Tongkat Nobat yang dinamakan "Maha Guru" yang dipegang oleh Ketua Pemain yang bergelar "Kalur Besar". Negeri-negeri Melayu yang mempunyai Nobat ialah Kedah, Perak, Terengganu dan Selangor. Nobat yang digunakan dalam Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Nobat Kedah yang telah diperkenan dan diberi pinjam oleh Sultan Kedah.

Nobat hanya boleh dimainkan dengan titah Sultan, dan dalam istiadat diraja seperti pertabalan, perkahwinan diraja atau kemangkatan diraja. Alat-alat Nobat hanya boleh dimain oleh pemain diraja yang dipilih dari keluarga yang tertentu. Dalam istiadat Pertabalan tiga lagu Nobat dimainkan, iaitu lagu "Raja Berangkat" semasa Duli-Duli Seri Paduka Baginda berdua berangkat masuk ke Balai Rong Seri, lagu "Palu" semasa Alat-alat Pertabalan di bawa masuk ke Balai Rong Seri, lagu "Raja Bertabal" selepas Seri Paduka Baginda Mengangkat Sumpah diraja dan lagu "Raja Berangkat" sekali lagi apabila Seri Paduka Baginda berdua berangkat pulang dari Balai Rong Seri.



BIOGRAFI RINGKAS SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Pada tahun 1957, Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama adalah Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Mohammad, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

36 tahun kemudian, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dipilih sekali lagi menaiki takhta Yang di-Pertuan Agong. Ini menunjukkan bahawa kesemua sembilan orang Raja-Raja Melayu telah pun berpeluang bersemayam di Istana Negara.

Dengan itu Baginda Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman merupakan Yang di-Pertuan Agong yang ke sepuluh menaiki takhta negara.

Tuanku Ja'afar juga merupakan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke sepuluh.


A BRIEF BIOGRAPHY OF HIS MAJESTY THE KING

In 1957, the first Yang di-Pertuan Agong was, Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Mohammad, the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan Darul Khusus.

36 years later, the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan is elected again, which shows that all the 9 Malay rulers in our country have had their turn staying at Istana Negara.


His Majesty Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman is therefore the tenth Yang di-Pertuan Agong to take the oath of office.

Tuanku Ja'afar is also the tenth Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan.



SERI PADUKA BAGINDA SEMASA BERSEKOLAH PADA TAHUN 1940

HIS MAJESTY DURING HIS EARLY SCHOOL DAYS, 1940.



SERI PADUKA BAGINDA BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI MALAYSIA DI SANDHURST 1961

HIS MAJESTY WITH THE MALAYSIAN OFFICERS IN SANDHURST, 1961

Dilahirkan di Klang, Selangor; pada 19 Julai 1922, Baginda telah berpindah ke bandar Di Raja Sri Menanti, Negeri Sembilan, ketika berumur enam tahun. Baginda telah dihantar ke sekolah Melayu di Seri Menanti. Sekolah itu berhampiran Istana Besar, dan oleh kerana kecerdasannya Baginda tidak perlu terlalu tekun belajar untuk berjaya. Mungkin sebab Baginda mempunyai masa lapang untuk bermain inilah yang membolehkan Baginda sempat menikmati keindahan lembah menghijau yang menghiasi Sri Menanti. Sawah padi, dusun buah-buahan, pokok kelapa, ladang getah yang luas, semuanya ini menjadi ilham kepada Baginda untuk mengasah bakat melukis Baginda yang begitu terserlah.

Tidak lama kemudian pada tahun 1934 Baginda dihantar ke Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak. Maktab Melayu pada masa itu merupakan sekolah khas untuk anak-anak Raja dan golongan atasan masyarakat. Baginda telah menempah nama di bidang criket, bola sepak, tenis, skuasy, bulu tangkis dan hoki. Baginda mewakili Maktab Melayu dalam kesemua permainan sukan tersebut. Namun begitu Baginda tidak mencuaikan pelajarannya, kerana kecemerlangan Baginda yang menunjukkan sifat-sifat kepimpinan, Baginda telah dilantik sebagai Ketua Pengawas untuk tahun 1939-1940.

Setelah tamat persekolahan di Maktab Melayu Baginda memasuki Raffles College di Singapura. Penaklukan Tanah Melayu oleh Jepun yang bermula pada penghujung tahun 1941 semasa Perang Dunia Kedua menangguhkan impian Baginda untuk melanjutkan pelajaran. Sungguh pun begitu masa tidak dibuang begitu sahaja dan Baginda bertugas di Pejabat Tanah, Seremban.



Born in Klang, Selangor on 19 July 1922, he moved to the royal town of Sri Menanti, Negeri Sembilan where at six years old, he began his education at the local Malay School. The School was close to the Istana Besar, and with a quick mind he did not have to try too hard at his lessons. Perhaps having time for play, he noticed the green surrounding the valley where Sri Menanti is situated. The padi fields, fruit trees, coconut trees, miles and miles of rubber trees, came back to mind in later years on canvas when he realized he not only enjoyed painting, but was good at it.

Soon it was time to move on, and in 1934, he was sent off to Malay College, Kuala Kangsar, Perak. The Malay College then, took in students from the Royal Households and those in what was called the elite group. He made a name for himself in sports, and never tired of doing his best in cricket, soccer, tennis, squash, badminton and hockey. He naturally represented the Malay College in all these activities. It was not all play though, for having done well academically with signs of leadership qualities he was given the responsibility of becoming the Headboy, 1939-40.

His years as a school boy came to an end and he joined Raffles College in Singapore. The Japanese Occupation of Malaya in 1942, during the second World War put his dreams of furthering his studies on hold for a while. No time was wasted though for Tuanku Ja'afar joined the Land Office in Seremban.

Sebagai seorang putera raja yang tampan dan berjawatan, Baginda memerlukan pasangan hidup. Baginda telah memilih seorang puteri kerabat diraja Negeri Sembilan, Yang Mulia Tunku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin. Istiadat perkahwinan mereka berlangsung di Sri Menanti secara besar-besaran, dan menjadi sebut-sebutan orang ramai di Negeri Sembilan buat berbulan-bulan kemudiannya.

Pasangan diraja ini mendirikan rumah kediaman mereka di Rembau dan Kuala Lumpur kerana pada tahun 1949, Tuanku Ja'afar telah menyertai Perkhidmatan Pentadbiran Tanah Melayu.

Tuanku Ja'afar sangat selesa bertugas dengan Kerajaan kerana Baginda mesra dengan semua peringkat masyarakat tanpa mengira sama ada mereka majikan, rakan sejawatan, kakitangan ataupun orang ramai. Namun demikian fikiran Baginda masih bercita-cita untuk meneruskan pelajarannya.

The young prince, now a working man surely needed a Princess to share his life. His choice was the lovely Yang Mulia Tunku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin. The grand wedding that took place in Sri Menanti was the talk of Negeri Sembilan for months afterwards.

The Royal couple set up house in Rembau and Kuala Lumpur. In 1944, Tuanku Ja'afar had joined the Malay Administrative Service.

Tuanku Ja'afar felt very much at ease working for the Government, for he got on well with everyone, his bosses, colleagues subordinates and members of the public whom he had to deal with. But at the back of his mind was always the fact that he was still a very young man and there was lots of time for him to get back to his studies.

He did just that and was back again with his books at Nottingham University in

Baginda menyambung pelajarannya di Nottingham University, England, di bidang undang-undang sehingga memperolehi ijazah undang-undang dan kemudian meneruskan pelajarannya di bidang ekonomi di Balliol College, Oxford University. Di kedua-dua universiti tersebut Baginda telah bergiat di bidang sukan. Semasa di Nottingham Baginda mewakili universiti tersebut dalam sukan tennis, skuasy, dan bulu tangkis. dan di Oxford Baginda mengetuai pasukan bulu tangkis pula.



SEBAGAI
KUASA
USAHA
MALAYASIA
DI AMERIKA
SYARIKAT,
1957

AS CHARGE
D'AFFAIRS IN
WASHINGTON D.C.
1957

England, studying law. With a law degree in hand, Tuanku Ja'afar decided to join Oxford University and studied Economics at Balliol College. At both universities he lost no time in taking an active part in games. In Nottingham, he represented the University in tennis, squash, badminton. In Oxford, he was captain of the badminton team.

Baginda kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1952 dan berkhidmat semula dengan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Baginda begitu disenangi oleh masyarakat di mana Baginda bertugas dan di antara jawatan yang disandang ialah Penolong Setiausaha Negeri Perak, Penolong Pegawai Daerah Parit, Perak, dan Pegawai Daerah Tampin, Negeri Sembilan.

He returned to Malaya in 1952 and was back at his desk in the Malayan Civil Service. He made his mark with those around him as he served in many districts. He was the Assistant State Secretary of Perak, Assistant District Officer in Parit, Perak and District Officer in Tampin, Negeri Sembilan.

Tuanku Ja'afar dan Tunku Najihah dikurniakan empat orang cahaya mata, 2 orang puteri dan 2 orang putera - Yang Mulia Tunku Naquiah, Yang Mulia Tunku Naquiyuddin, Yang Mulia Tunku Imran dan Yang Mulia Tunku Jawahir. Kemudian seluruh keluarganya telah berhijrah ke London selama setahun di mana Tuanku Ja'afar telah menjalani Kursus Perkhidmatan Diplomatik.

Tidak lama selepas itu Baginda telah terpilih sebagai diplomat di luar negara dan Baginda telah dihantar ke Amerika Syarikat sebagai Charge D' Affairs di Kedutaan Tanah Melayu di Washington DC. Kemudian Baginda di tukar ke New York sebagai Setiausaha Pertama Misi Tetap Tanah Melayu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Anakanda Baginda Yang Mulia Tunku Irinah telah dilahirkan di New York dan semasa Baginda bertugas sebagai Setiausaha Pertama di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London pula, Yang Mulia Tunku Nadzaruddin dilahirkan. Kerjaya Tuanku Ja'afar semakin meningkat dan Baginda telah dijadikan Counselor dan kemudiannya Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, juga di London.

Tuanku Ja'afar dan Tunku Najihah merupakan pasangan yang menawan, disukai ramai bukan sahaja di antara para diplomat tetapi juga oleh penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di United Kingdom, terutamanya mereka yang berada di London. Mereka yang pernah menjumpai pasangan diraja ini sentiasa membawa kenangan yang manis. Pasangan diraja ini mempunyai keistimewaan bercampur-gaul dengan mesra (yang masih merupakan sifat keistimewaan mereka) dan bagi penuntut-penuntut yang merindukan kampung halaman ini merupakan punca kelegaan, tempat menumpang kasih.

Oleh yang demikian pemergian pasangan diraja ini ke Republik Arab Bersatu di mana Tuanku Ja'afar bertugas sebagai Duta negara sangat dikesali oleh mereka. Tetapi kerugian mereka di London merupakan keuntungan bagi penuntut-penuntut di Asia Barat dan kemudian di Nigeria dan Ghana pula di mana Tuanku Ja'afar bertugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia.



POTRET RASMI PERTABALAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DAN DYMM TUANKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN.

OFFICIAL INSTALLATION PHOTOGRAPH OF HRH YANG DI-PERTUAN BESAR OF NEGERI SEMBILAN AND HRH TUANKU AMPUAN BESAR OF NEGERI SEMBILAN.

Tuanku Ja'afar and Tunku Najihah had, by now, 4 children, 2 girls and 2 boys. Yang Mulia Tunku Naquiah, Yang Mulia Tunku Naquiyuddin, Yang Mulia Tunku Imran and Yang Mulia Tunku Jawahir. The whole family took a year's leave from work to do a Diplomatic Service Course.

The year over, it was natural for the Government of Malaya to send him away to represent the country at her missions abroad. The family landed in the United States of America as Tuanku Ja'afar was appointed Charge D' Affairs at the Malayan Embassy in Washington DC. A move to New York saw him as the First Secretary of the Malayan Permanent Mission at the United Nations. Yang Mulia Tunku Irinah was born in New York and at Tuanku Ja'afar's next appointment as the First Secretary at the Malaysian High Commission in London, Yang Mulia Tunku Nadzaruddin came into the world. Tuanku Ja'afar's career climbed to greater heights as he was made Counselor and then deputy High Commissioner, still serving in the London Office.

Tuanku Ja'afar and Tunku Najihah were a charming pair; popular not only in the diplomatic circle but also with the Malaysian students who were studying in the United Kingdom, especially those in London. Those who met them then talk about them with affection.

They both had a flair (and still do) for putting anyone at ease, what more the students who missed home and opened up to the royal duo.

It was indeed a loss for the students when the family moved on to the United Arab Republic where Tuanku Ja'afar was made Ambassador. But the loss for the London students was a gain for those in West Asia and also in Nigeria and Ghana where Tuanku Ja'afar was the Malaysian High Commissioner.

Hingga ke hari ini Baginda berdua mempunyai sahabat-handai di merata dunia, mereka yang telah sempat berkenalan dengan Baginda berdua selama ini. Setelah bertugas di Barat Baginda kemudiannya dihantar pula ke Timur sebagai Duta Malaysia ke Jepun. Tetapi sebelum Baginda sempat menjawab jawatan tersebut Yang Maha Mulia Tuanku Munawir ibni Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan telah mangkat. Tuanku Ja'afar telah dipilih sebagai Yang di -Pertuan Besar Negeri Sembilan yang baru oleh keempat-empat Undang yang secara tradisinya menentukan siapakah yang akan menaiki Takhta Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Peristiwa bersejarah ini telah berlaku pada 17 April 1967.

Keutamaan Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar adalah terhadap rakyat Negeri Sembilan. Pengalaman Baginda setelah tinggal di berbagai negara di seluruh dunia telah melahirkan cita-cita untuk melihat rakyat hidup dalam aman dan harmoni, di antara satu sama lain, berganding bahu, menikmati segala peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Sebelum kebahagiaan dapat dikecapi, rakyat mesti diberi keperluan asas dan ini hanya dapat dicapai jika tahap kehidupan dipertingkatkan.



**MAJLIS KONVOKESAN DI UKM
CONVOCATION AT UKM**



**SERI PADUKA BAGINDA MELAHIRKAN DAYA KREATIF BAGINDA
MELALUI SENI LUKISAN.**

HIS ROYAL HIGHNESS EXPRESSING HIS CREATIVITY THROUGH ART.

Up until today they both have many friends in all parts of the world, people who have crossed their paths in one place or another through the years. Having worked in the West Tuanku Ja'afar was given a place in the East, in Japan to be exact as Malaysian Ambassador. Unfortunately, before he could take this post, His Royal Highness, Tuanku Munawir ibni Tuanku Abdul Rahman, the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan, passed away. On April 17th, 1967 Tuanku Ja'afar was chosen as the new ruler of Negeri Sembilan by the four Undangs, who by tradition determine the choice of successor to the Throne of Negeri Sembilan.

His Royal Highness Tuanku Ja'afar's first priority was the people in the state. Through his experience in the different countries he had lived, His Royal Highness wanted his people to live in peace and harmony, side by side, enjoying the benefits that the state can offer. To be happy, the people had to have access to the basic amenities and to achieve this, the standard of living had to improve.

Setelah dikurniakan dengan enam orang cahaya mata, tidak syak lagi bahawa Baginda mempunyai pengalaman luas dari segi pendidikan mereka. Baginda sentiasa menggalakkan ibu-bapa supaya mengutamakan persekolahan anak-anak mereka dan telah memberi sokongan padu kepada pembangunan dan peningkatan mutu pendidikan di Malaysia. Pada tahun 1976, Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar telah dilantik sebagai Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan pada tahun 1990 pula Baginda telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran undang-undang oleh Ohio University.

Dua puluh enam tahun telah berlalu dan berbagai perubahan telah berlaku di Negeri Sembilan. Peningkatan ekonomi negeri jelas dilihat dan tahap kehidupan rakyat juga telah meningkat dengan terdapatnya peluang pekerjaan yang banyak. Keperluan asas seperti bekalan air dan elektrik sekarang ini dikecapi oleh semua dan terdapat skim-skim perumahan yang begitu banyak. Terdapat juga kemudahan berekreasi dan sukan yang mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

Pengalaman Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1979 dan 1989 tidak syak lagi akan memainkan peranan penting dalam urusan Baginda sebagai Yang Di-Pertuan Agong.

Kini sudah pun terdapat bisikan di antara kakitangan Baginda di Istana Negara yang mengatakan, "Sungguh bertuahnyanya dapat bertugas untuk Baginda".

SERI PADUKA BAGINDA DENGAN GAYA
ISTIMEWA SEBAGAI PEMINAT SUKAN
KEGEMARAN BAGINDA.

HIS MAJESTY ENJOYING ONE OF HIS
FAVORITE SPORTS



Having six children, he had first hand experience in looking into their education. He has always encouraged parents to pay attention to their children's education and has given his full support to the upgrading of quality in education in Malaysia. In 1976, His Royal Highness Tuanku Ja'afar was appointed Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia and in 1990, he was conferred a Doctorate in Law by Ohio University.

Looking back through twenty eight years, one can see the great improvement in Negeri Sembilan. Economically the state has progressed, and the standard of life has improved, not to mention the increased opportunities for jobs that are available to the people. Amenities like water and electricity are enjoyed by all, and there are abundant new housing schemes. There are also sufficient recreational areas for family outings and games.

His Majesty Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, the Yang di-Pertuan Agong's experience as the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan and his previous stints as the Deputy Yang di-Pertuan Agong in 1979 and 1989 will undeniably feature prominently in his role as the country's sovereign.

As it is now, in the corridors of Istana Negara, his staff have been heard saying, "It is an honour to serve under his Majesty".



BIOGRAFI RINGKAS SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG


Senyuman Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, telah banyak menawan hati. Malahan kanak-kanak kecil pun, begitu gembira menghadap baginda semasa lawatan-lawatan ke hospital dan rumah-rumah anak yatim.

Setelah begitu lama menjadi isteri kepada seorang diplomat Baginda, hingga ke hari ini, suka beramah-mesra. Tanggungjawabnya sebagai Tuanku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, semuanya diketahui rakyat kerana mereka sempat berjumpanya, mendengar titah Baginda, melihatnya menyampaikan hadiah di sekolah-sekolah, meminjamkan nama Baginda untuk kegunaan amal supaya lebih banyak lagi derma dapat dikutip untuk mempertingkatkan hidup rakyat Negeri Sembilan.

A BRIEF BIOGRAPHY OF HER MAJESTY THE QUEEN

Her Majesty Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, the Raja Permaisuri Agong has captured many a person with her smile. Even babies she meets during her visits to hospitals and orphanages come willingly to her.

Having been the wife of a diplomat, Her Majesty enjoys meeting people even to this day. As the Tuanku Ampuan of Negeri Sembilan Darul Khusus, her responsibilities were well known by her people for they got to meet her, listened to her speeches, watched her present prizes at schools and lent her name to deserving causes so funds could be obtained to better the life of the people of Negeri Sembilan.



SUKAN GOLF ADALAH SUKAN YANG DIGEMARI OLEH KEBAWAH DULI RAJA PERMAISURI AGONG.

LIKE OTHER MEMBERS OF THE ROYAL FAMILY, HER MAJESTY IS AN AVID SPORTS PLAYER.

Semasa zaman persekolahannya di Sekolah Tuanku Mohamed, Kuala Pilah, baginda begitu senang dengan murid-murid yang lain. Baginda dan kawan-kawannya bermain bulu tangkis selepas waktu belajar di kawasan sekolah. Kelebihan Baginda adalah sukan bulu tangkis dan Baginda telah banyak memenangi piala kejohanan.

Hingga sekarang sukan bulu tangkis masih memenuhi masa lapangnya, tetapi dengan beredarnya masa Baginda telah menambahkan kegiatan sukannya di bidang bola keranjang, tenis, golf dan menembak. Baginda tidak gentar menghadapi cabaran yang baru.

Penglibatan Baginda dalam beberapa persatuan wanita juga memerlukan masa dan Baginda bergiat selaku penaung kepada beberapa pertubuhan sukarela/wanita di Negeri Sembilan. Tidakkah hairan jika dalam lima tahun yang akan datang ini Baginda bersedia menjadi penaung kepada badan-badan yang kegiatannya disokong oleh Baginda.

During her school days at the Tuanku Mohamed School in Kuala Pilah, she mixed freely with the other students. She and her friends spent time playing badminton after school hours on the school grounds. She excelled in badminton and brought many a trophy home.

To this day, badminton still takes up her time, but through the years, Her Majesty has added games like basketball, tennis, golf and shooting to her list. She is not one to shy away from anything new.

Her involvement in various women's associations also needs her time and she is the patron of many voluntary/women's organizations in Negeri Sembilan. It would not surprise anyone when Her Majesty consents to being a patron of causes that are close to her heart these next five years.




BAGINDA BEGITU DI SENANGI OLEH MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK.

THE NEEDY ARE ALWAYS CLOSE TO HER MAJESTY'S HEART.



SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG SEDANG MENYAMPAIKAN HADIAH DI MAJLIS ANUGERAH UNTUK PANDU PUTERI

HER MAJESTY THE QUEEN PRESENTING AT AN AWARDS CEREMONY FOR GIRL SCOUTS.



POTRET KELUARGA
PADA TAHUN 1967.

FAMILY PORTRAIT 1967.

Setelah membesarkan enam orang cahaya mata, 3 orang puteri dan 3 orang putera, Baginda sangat bangga dengan pencapaian mereka yang cemerlang dalam bidang pengkhususan pilihan masing-masing. Puteri sulung Baginda berdua ialah Yang Amat Mulia Tunku Dara Tunku Dato' Seri Naquiah yang berkahwin dengan Yang Mulia Tunku Kecil Besar Tunku Mudzaffar bin Tunku Mustapha. Tunku Laksamana, Yang Maha Mulia Tunku Naquiddin, Pemangku Raja Negeri Sembilan berkahwin dengan Yang Mulia Tunku Dato' Seri Nurul Hayati binti Tunku Bahadur, Tunku Puan Muda Negeri Sembilan. Kemudian Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran, Tunku Muda Seriting pula berkahwin dengan Cik Engku Puan Sri Mahirah. Yang Amat Mulia Tunku Jawahir, Tunku Putri Negeri Sembilah, putera Baginda yang keempat, berkahwin dengan Yang Amat Mulia Tengku Dato' Seri Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar selepas menerima ijazah dari Universiti Sains Malaysia. Yang Amat Mulia Tunku Irinah adalah puteri bongsu Baginda berdua dan pada tahun 1980 telah berkahwin dengan Yang Amat Mulia Tengku Ahmad Shah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Anak bongsu Baginda pula, Yang Amat Mulia Tunku Nadzaruddin adalah Tunku Putera Negeri Sembilan.

Having raised six children, 3 girls and 3 boys, she is extremely proud of them as they are all successful in their chosen fields. Their Majesties eldest child is Yang Amat Mulia Tunku Dara Tunku Dato' Seri Naquiah who is married to Yang Mulia Tunku Kecil Besar Tunku Mudzaffar bin Tunku Mustapha, the Tunku Laksamana, Yang Maha Mulia Tunku Naquiddin, the Regentry of Negeri Sembilan is married to Yang Mulia Tunku Dato' Seri Nurul Hayati binti Tunku Bahadur, the Tunku Puan Muda of Negeri Sembilan. Then comes Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran, the Tunku Muda Seriting, married to Yang Mulia Cik Engku Puan Sri Mahirah. Yang Amat Mulia Tunku Jawahir, the Tunku Putri Negeri Sembilan, the fourth in the family, married Yang Amat Mulia Tengku Dato' Seri Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar after graduation from the Universiti Sains Malaysia. Yang Amat Mulia Tunku Irinah is the youngest daughter of Their Majesties and in the 1980's she was married to Yang Amat Mulia Tengku Ahmad Shah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. The youngest in the family is Yang Amat Mulia Tunku Nadzaruddin, the Tunku Putera Negeri Sembilan.

POTRET KELUARGA PADA
TAHUN 1994.

FAMILY PORTRAIT 1994.



Sebagai ninda kepada 14 orang cucunda, Baginda senentiasa sibuk melayan mereka. Sudah tentu mereka dimanjakan oleh kedua-dua Baginda yang sering membawa buah tangan dari perjalanan ke luar negara. Seringkala anjung istana di Sri Menanti penuh dengan basikal-basikal kecil dan besar. Kawasan istana yang besar membolehkan cucunda Baginda berlegar dengan selesa.

Baginda Permaisuri gemar berhibur dengan keluarganya dan Baginda sering bercuti dengan diteman oleh sekurang-kurangnya seorang dari putera atau puterinya serta cucundanya. Keluarga diraja ini juga bermain bersama dan masa lapang mereka juga dihabiskan dengan melukis kerana melukis menjadi aktiviti masa lapang yang digalakkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pilihan warna Baginda Permaisuri bukan sahaja mencantikkan lukisannya tetapi juga memadankan warna dan corak pakaian dan barang kemas perhiasan dirinya dengan begitu menarik. Malahan pada masa-masa di mana keluarga diraja ini menjadi tumpuan ramai, Baginda Permaisuri, puteri-puterinya dan menantu Baginda semuanya kelihatan begitu menawan. Pakaian mereka begitu cantik dan bersesuaian dengan keadaan.


Baginda Permaisuri begitu prihatin terhadap kedudukan kaum wanita. Pencapaian Baginda menjadikannya satu teladan dan sumber ilham kepada kaum wanita. Bagi Baginda Tuanku Ja'afar pula, Permaisurinya pasti merupakan tiang Baginda sandaran yang teguh buat lima tahun akan datang ini semasa Baginda memikul tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong.

There are 14 grand children in all who keep their grandmother on her toes. Naturally they are spoilt by their Royal grandparents with presents from trips abroad. Many a time the porch of the palace in Sri Menanti is full of bicycles and tricycles. The vast grounds of the palace give plenty of room for rides.

Her Majesty enjoys having her family around her and more often than not, when she goes on holidays she has at least one of her children or grandchildren accompanying her on these trips. The family also play games together and in quieter moments they paint together because painting has become one of the family's past-times with encouragement from His Majesty.

Her Majesty's choice of colours not only helps her in her paintings but also coordinates her clothes and jewellery with flair. In fact, on occasions that they are in the limelight, Her Majesty, her daughters and her daughters in law are a sight to behold. They always turn out beautifully dressed, fitting the occasion.

Her Majesty has always been concerned on the lot of women. Her achievements make her exemplary. For them she will be a source of inspiration. For His Majesty Tuanku Jaafar, a pillar of strength during his appointment as the Yang di-Pertuan Agong.



SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG MASIH TETAP KELIHATAN ANGGUN DAN MENAWAN.

STUNNING AS EVER, HER MAJESTY AS SHE APPEARS TODAY.

JAWATANKUASA PERSEMBAHAN KESENIAN DAN PAMERAN RAJA KITA SEMPENA PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TUANKU JA'AFAR

PENAUNG

YB. Dato' Sabbaruddin Chik

*Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia*

PENGERUSI

Yg. Bhg. Dato' Khalid Haji Ismail

*Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan Malaysia*

TIMBALAN PENGERUSI

Yg. Berusaha Encik Ismail Adam

*Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

SETIAUSAHA

YM. Dato' Tengku Alaudin
bin Tengku Abdul Majid

*Setiausaha Bahagian Kebudayaan, Kementerian
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia,*

PENOLONG SETIAUSAHA

Encik Mohamed Johari Haji Shaarani

*Penolong Setiausaha Penggalakan Bahagian
Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan Malaysia*

AHLI-AHLI

YBhg. Datuk Abdul Wahid bin Shamsuddin

Istana Negara

YBhg. Datuk Zakiah Hanum

Arkib Negara

Tuan Haji Mohd Zulkifli Hj. Abdul Aziz

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Encik Supiat Mukri

Panggung Negara

Encik Abas bin Kasam

Jabatan Perdana Menteri

Lt. Kol. Mohd. Daud bin Nor

Kementerian Pertahanan

PPP Hashim Awang

Polis Diraja Malaysia

Encik Yusoff Abd Rashid

RTM

Encik Tupari Dulmungin

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Tuan Haji Abdul Hamid Hamat

Kementerian Kewangan

Encik Awang Kechik Abdul Rahman

Kementerian Kesihatan

Encik Mazlan Che Soh

Perbadanan Stadium Merdeka

Puan Norbaiyah Baharuddin

Kementerian Penerangan

Encik Wan Jamaluddin Wan Yusoff

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puan Roslindawati Abd. Rahman

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Wakil Dewan Bandaraya

Wakil Kementerian Kerja Raya

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL PAMERAN RAJA KITA

PENGERUSI

Tuan Haji Mohamed Zulkifli bin Haji Abdul Aziz

*Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium dan Antikuiti*

TIMBALAN PENERUSI

Dr. Kamarul Baharin bin Buyong

Jabatan Muzium dan Antikuiti

SETIAUSAHA

Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yussoff

Jabatan Muzium dan Antikuiti

AHLI-AHLI

Datuk Abdul Wahid bin Shamsuddin

Istana Negara

Encik Abas bin Kasam

Jabatan Perdana Menteri

Encik Abas bin Salleh

Jabatan Penerangan Malaysia

Lt. Kol. Mohd. Daud bin Nor

Kementerian Pertahanan Awam

Tuan Haji Inon Shahrudin Abd Rahman

Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Johari Shah Rani

*Kementerian Kebudayaan,
Kesenian & Pelancongan*

Encik Mohd Maidin bin Hussein

Arkib Negara

Y.M. Raja Fuziah bt. Raja Tun Uda

Sari Ayu Consults

Encik Md. Redzuan bin Tumin

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Encik Mohd Kassim bin Haji Ali

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Encik Kamarul Baharin b. A. Kasim

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puan Rosidah bt. Abdullah

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Puan Janet Tee Siew Mooi

Jabatan Muzium dan Antikuiti

Tuan Haji Md. Yassin bin Ibrahim

Jabatan Muzium dan Antikuiti

PENGHARGAAN

Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Pameran "Raja Kita" merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan pameran ini.

Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian Pertahanan Awam

Istana Negara

Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Protokol, Wisma Putra

Jabatan Penerangan Malaysia

Jabatan Arkib Negara, Malaysia

Jabatan Filem Negara, Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Sari Ayu Consults

Polis Diraja Malaysia

Radio dan Television Malaysia

Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)

Media Massa

dan

orang-orang perseorangan yang turut memberikan bantuan yang tidak terhingga yang tidak dapat disenaraikan di sini.